

Sinar Harian 31/8/2018 M15 20

Padah cuba rasuah anggota Maritim

KUALA TERENGGANU - Seorang tekong bot warga Vietnam dipenjara enam bulan dan didenda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam kerana memberi rasuah RM10,000 kepada seorang anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim).

Tertuduh, Le Van Do, turut berdepan enam bulan penjara lagi sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Keputusan dibuat selepas tertuduh mengaku salah atas pertuduhan dibawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (SPRM) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta yang sama.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memberi rasuah wang tunai RM10,000 kepada Kepten (M) Che Engku Suhaimi Che Engku Daik, yang bertugas di kapal KM Pekan, Maritim, Pahang.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu sebagai dorongan untuk mele-



Le Van Do, dihukum enam bulan penjara dan dikenakan denda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.

paskan bot nelayan nombor pendaftaran KG 94975 TS daripada ditahan kerana melakukan kesalahan dibawah Akta Perikanan 1985, di dalam Zon Maritim Malaysia, lebih kurang jam 10 pagi, pada 11 Ogos lalu.

Pendakwaan dikendali-

kan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Amer Abu Bakar Abdullah dihadapan Hakim Rofiah Mohamad.

Rofiah turut mengarahkan wang rasuah berjumlah RM10,000 itu dilucuthakan ke dalam akaun hasil kerajaan.